



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
(PETRA)

PROJEK KAMPUNG ANGKAT MADANI PETRA: PEMBINAAN BALAI RAYA BERKONSEPKAN *INTEGRATED PHOTOVOLTAIC SYSTEM*, BERI MANFAAT KEPADA PENDUDUK KOA BERASAU

KLUANG, 18 APRIL 2026 – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) memperkukuh agenda peralihan tenaga negara melalui pelaksanaan projek Kampung Angkat MADANI (KAM) di Kampung Orang Asli (KOA) Berasau, dengan pembinaan balai raya berbumbung solar tertutup berkonsepkan *integrated photovoltaic system* yang menyediakan bekalan elektrik 24 jam secara cekap, stabil dan lestari kepada komuniti di kampung tersebut.

Ia merupakan kali pertama projek seumpamanya dilaksanakan di Kampung Orang Asli yang lokasinya terletak jauh dari jalan utama. Lebih 20 buah rumah penduduk serta balai raya di KOA Berasau menikmati manfaat daripada pelaksanaan projek ini.

Menerusi penggunaan sistem solar *photovoltaic* (PV) *Off-Grid* yang sepenuhnya tidak bergantung kepada talian grid awam, kapasiti pemasangan sistem solar PV disediakan adalah melebihi 50 kilowatt puncak dengan kapasiti penstoran tenaga sebanyak 516 kilowatt jam.

PETRA hari ini menganjurkan Majlis Perasmian Projek KAM PETRA di KOA Berasau, Kluang, Johor yang telah disempurnakan oleh YAB Datuk Amar Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air serta turut dihadiri oleh YAB Dato' Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor.

Inisiatif KAM adalah seiring dengan aspirasi Kerajaan dalam memperkasakan kesejahteraan rakyat dan memastikan masyarakat luar bandar mempunyai akses berterusan terhadap kemudahan asas menerusi pendekatan “*whole of government*”.

Projek ini dilaksanakan oleh PETRA dengan kerjasama Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) bersama-sama dengan agensi-agensi lain Persekutuan dan Negeri Johor.

Aspirasi MADANI menjadi teras kepada projek KAM PETRA dengan menekankan kesejahteraan rakyat melalui pendekatan inklusif dan bersepadu. Menerusi penyediaan bekalan elektrik yang stabil menerusi penggunaan solar yang merupakan tenaga bersih dan lestari kepada komuniti Orang Asli, projek ini bukan sahaja mempertingkatkan keselesaan aktiviti seharian penduduk KOA Berasau, justeru penggunaan tenaga solar juga mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga konvensional di kawasan luar bandar.

Dalam pada itu, projek ini juga mencerminkan komitmen kerajaan dalam memastikan prinsip keadilan sosial secara sama rata di kalangan masyarakat di luar bandar, sekali gus menggarap aspek keterangkuman, dan kelestarian yang digariskan dalam kerangka Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
18 April 2026

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

